



جباتن فردان منتري

JABATAN PERDANA MENTERI
OFFICE OF THE PRIME MINISTER

BANDAR SERI BEGAWAN | BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4 /1999

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sukacita dimaklumkan bahawa pencalonan untuk Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi tahun 1999 adalah dengan ini dibuka kepada semua pegawai dan kakitangan atau kumpulan dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam iaitu *tidak termasuk* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha.

2. Semua pencalonan untuk Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam hendaklah terdiri dari projek-projek/program-program yang telah diperkenalkan dalam tempoh tidak melebihi daripada tiga tahun dari tarikh pencalonan dan telah dilaksanakan sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh pencalonan dihadapkan serta telah menunjukkan hasil-hasil atau faedah-faedah yang positif.


3. Pencalonan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi tahun 1999 adalah terbuka dalam 2 kategori yang berorientasikan seperti berikut:

i. ***Penyampaian Perkhidmatan***

Projek-projek/program-program dibawah kategori ini adalah merupakan inisiatif-inisiatif kearah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dan peningkatan prestasi organisasi. Faedah-faedah kewangan bukanlah merupakan kriteria utama, tetapi penilaian mengambilkira kesan positif daripada usaha-usaha pembaikan terhadap mana-mana perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan/klien seperti perkhidmatan kaunter.

ii. ***Kewangan***

Projek-projek/program-program yang dibawah kategori ini adalah merupakan inisiatif-inisiatif yang berorientasikan kewangan yang lebih menumpukan kepada hasil/kesan yang mengambilkira pulangan/faedah dalam bentuk kewangan seperti penjimatan kos; peningkatan pendapatan/hasil; keberkesanan kos; dan "value for money".



- 2 -

4. Setiap kementerian hanya dibenarkan untuk mencalonkan tidak lebih dari 3 projek/program yang paling cemerlang bagi setiap kategori. Setiap pencalonan adalah dibuat dengan mengisikan borang A, B1/B2 dan C yang boleh didapati di Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam. Borang tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan berkenaan *tidak lewat dari 31hb Mei 1999* melalui kementerian masing-masing. Pencalonan yang lewat diterima tidak akan dilayan tetapi boleh dihadapkan semula pada tahun berikutnya.
5. Setiausaha-setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan yang menghadapi sokongan bagi pencalonan Anugerah ini hendaklah memastikan supaya setiap projek/program yang dicalonkan itu selaras dengan matlamat Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
6. Jawatankuasa Panel Penilaian dan Pemilihan bagi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam yang akan dilantik mempunyai kuasa untuk menolak pencalonan yang tidak memenuhi syarat penyertaan dan mana-mana projek/program yang bidang tumpuannya tidak menepati matlamat Anugerah ini.
7. Penerangan lanjut mengenai Anugerah ini boleh diperolehi dengan berhubung terus kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang beralamat seperti berikut:-

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Telefon : 382064/65/66
Fax : 382062

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (4)JPM/SK/1999
Tarikh: 28 Syawal 1419
15 Februari 1999